

# Tiada keperluan lanjut had umur - PM

■ PHNOM PENH 3 SEPT.

**P**ERDANA Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata tiada keperluan untuk melanjutkan had umur bersara mandatori daripada 60 kepada 65 tahun.

Beliau setuju dengan Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman untuk mengekalkan had umur bersara pada 60 tahun agar ia tidak menyekat peluang pekerjaan generasi muda.

"Kalau kita tetapkan pegawai

bersara umur 65 tahun, 'dead-wood' nanti pun duduk atas kerusi itu dan orang lain tidak boleh duduk (naik pangkat).

"Bagi saya, eloklah sampai 60 tahun," katanya pada satu sidang akhbar di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, terdapat negara yang tiada had umur bersara dan mereka boleh kerja sampai bila-bila tetapi ia akan menyekat peluang generasi muda.

"Zaman saya dulu, kita melanjutkan had usia bersara dari 55 kepada 56 tahun sebelum ia

dilanjutkan sehingga 60 tahun oleh kerajaan selepas saya," katanya.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mencadangkan had usia bersara dilanjutkan kepada 65 tahun seperti di negara maju, termasuk Singapura.

Semalam, Syed Saddiq membantah cadangan itu berkata kerajaan harus memberi fokus untuk menyediakan peluang pekerjaan berkualiti kepada generasi muda dan bukan menyekat potensi mereka. - BERNAMA



**DR. MAHATHIR MOHAMAD** mengadakan mesyuarat dua hala bersama Hun Sen selepas sambutan rasmi di Istana Keamanan, Phnom Penh, semalam. - BERNAMA